

**Teks Ucapan Sempena Majlis Amanat Jelajah Keluarga Malaysia
Wilayah Persekutuan Labuan**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 23/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT JELAJAH KELUARGA MALAYSIA WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

**23 OKTOBER 2022 | AHAD | 4 PETANG
DEWAN KONVESYEN UJANA KEWANGAN,
WP LABUAN**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama di Dewan Konvesyen Ujana Kewangan, Labuan

pada Majlis Amanat Jelajah Keluarga **Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan**

2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim dan seluruh warga Perbadanan Labuan kerana berjaya menganjurkan program ini.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh Keluarga Malaysia Labuan yang hadir pada majlis yang sangat signifikan ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Wilayah Persekutuan Labuan (Perbadanan Labuan) telah merangka Pelan Tindakan Pembangunan Labuan (atau Labuan Development Blueprint – LDB 2030) sehingga tahun 2030.

5. Pelan pembangunan jangka panjang ini telah menggariskan beberapa bentuk cadangan pembangunan fizikal dan program khususnya dalam meningkatkan aktiviti ekonomi Labuan.

6. Tumpuan utamanya termasuklah mengukuhkan serta mempelbagaikan kegiatan ekonomi supaya WP Labuan tidak hanya bergantung kepada sektor kewangan serta industri berkaitan minyak dan gas.

7. Selain itu, sektor pelancongan dalam Pelan Tindakan ini telah dijadikan inisiatif tumpuan utama kerana kelebihan WP Labuan sebagai pulau bebas cukai dan memiliki aset pelancongan yang berpotensi.

8. Sehubungan itu, bagi melaksanakan projek-projek yang dikenal pasti dalam LDB 2030, lima hala tuju utama perlu diambil kira iaitu:

Pertama, Mengukuhkan lagi sektor perkhidmatan kewangan di WP Labuan melalui pelan transformasi dan rasionalisasi yang sedang dilaksanakan oleh Labuan FSA sebagai agensi peneraju.

Kedua, LDB 2030 juga perlu disejajar dengan pelan transformasi tersebut bagi mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Ketiga, Memantapkan sektor minyak dan gas, yang menjadi penjana penting pertumbuhan ekonomi Pulau Labuan, melalui pelaksanaan hab sektor minyak dan gas dengan Wilayah Persekutuan Labuan berperanan mengukuhkan fungsinya sebagai hab utama untuk menyokong aktiviti industri ini.

Keempat, Menjadikan sektor pelancongan antara sumber dan pemacu ekonomi Pulau Labuan melalui tindakan jangka pendek, sederhana dan

panjang melalui produk pelancongan berpotensi berteraskan komuniti, ekologi, sumberjaya dan acara.

Kelima, Menjadikan sektor pendidikan dan perkhidmatan awam tumpuan utama program pembangunan bagi memantapkan modal insan dan menggalakkan integrasi nasional melalui institusi pendidikan dan agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan, dan

Keenam, Pelaksanaan segera tindakan cadangan projek dan program yang memerlukan insentif kewangan serta kelulusan dasar sama ada di peringkat Perbadanan Labuan mahupun di peringkat Kementerian.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

9. Pelan Tindakan Pembangunan Labuan 2030 juga mengenal pasti projek-projek boleh dilaksanakan segera sehingga tahun 2030 melibatkan 5 projek segera, 23 projek jangka pendek, 24 projek jangka sederhana dan jangka panjang.

10. Sehingga kini, berdasarkan status pembangunan projek fizikal, 22 projek dikenal pasti selaras dengan pelan tindakan telah dilaksanakan dan berada di pelbagai peringkat sama ada telah siap (9 projek) ataupun dalam pembinaan (11 projek) dan perancangan (2 projek).

11. Selain itu, WP Labuan akan terus menikmati status Pelabuhan Bebas Cukai yang menjadi tarikan pelancong seperti mana Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan Pulau Pangkor.

12. Meski langkah Kerajaan menyenaraikan rokok dan produk tembakau bukan lagi barangan bebas cukai, seterusnya mengurang sifat status WP Labuan, saya percaya kemampuannya kekal setanding dengan pulau-pulau bebas cukai lain dengan kepelbagaian produk berkualiti.

13. Sementara itu, Kerajaan telah meneruskan usaha menambah pembaikan dan menaik taraf bekalan air di WP Labuan dengan lapan buah projek dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Labuan pada tahun 2022.

14. Ini termasuklah projek-projek:

- i. Loji Rawatan Air Kinabenua
- ii. Pembinaan Tangki di kawasan Lajau dan Ganggarak
- iii. Menaiktaraf Projek Paip kawasan di Jalan Bebuloh dan Jalan Mohd Salleh
- iv. Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW)
- v. Penggantian Paip Pumping dari Pulau Enoe
- vi. Menaiktaraf loji rawatan air di Kampung Lawa, Beaufort Sabah

15. Tangki Lajau dan Ganggarak yang mewakili 80 peratus daripada keseluruhan pembinaan, merupakan projek yang menampung bekalan air

di kawasan berhampiran melibatkan Kampung Bukit Kuda, Kampung Lajau, Kampung Ganggarak dan kawasan sekitarnya.

16. Bagi mengelakkan gangguan bekalan ketika penutupan bekalan air berjadual, pihak berkuasa termasuk Jabatan Bekalan Air telah menambah lori bekalan air dan tangki statik selain turut memastikan setiap rumah persendirian mempunyai sebuah tangki air berkapasiti 200 liter.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

17. Kerajaan sentiasa berusaha meringankan beban kos sara hidup Keluarga Malaysia terutama golongan B40, Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Perbadanan Labuan telah melaksanakan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia yang menawarkan jualan barangan keperluan harian terpilih pada harga subsidi.

18. Di peringkat Wilayah Persekutuan, saya difahamkan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia ini diadakan sebanyak dua kali seminggu di 39 lokasi yang merangkumi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

19. Program Jualan Murah Keluarga Malaysia di Wilayah Labuan ini dilaksanakan dengan menggunakan premis sedia ada seperti kedai runcit dan pasar raya.

20. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.87 juta bagi pelaksanaan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia selama 18 minggu di kesemua 13 buah Parlimen di Wilayah Persekutuan bermula Ogos 2022 hingga Disember 2022.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

21. Bajet 2023 yang dibentang di Dewan Rakyat pada 7 Oktober tempoh hari merupakan bukti bahawa Kerajaan mengambil berat akan kebajikan dan kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia.

22. Bajet yang bertemakan ‘Keluarga Malaysia, Makmur Bersama’ memperuntukkan sebanyak RM372.3 bilion, yang merupakan bajet terbesar pernah diumumkan dalam sejarah negara.

23. Bajet yang dibentangkan ini bukan sekadar manifesto atau gula-gula pilihan raya semata-mata tetapi sudah mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakannya.

24. Peruntukan ini mencakupi keperluan semua lapisan masyarakat bagi memastikan tiada Keluarga Malaysia yang tertinggal sama ada mereka yang tinggal di ceruk desa atau kota, B40, M40, OKU, pelajar, usahawan dan sebagainya, semua mendapat manfaat.

25. Kerajaan akan menaikkan kadar makanan bermasak Rancangan Makanan Tambahan (RMT) daripada RM3 kepada RM4 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan.

26. Sambutan yang amat menggalakkan terhadap Jualan Murah Keluarga Malaysia dan impak positif program ini terhadap golongan B40, Kerajaan komited untuk meneruskan pelaksanaan program ini di seluruh negara meliputi 13 Parlimen Wilayah Persekutuan dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

27. Bagi meningkatkan kadar kelahiran, di bawah inisiatif CahayaMata Keluarga Malaysia, ibu daripada isi rumah penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang melahirkan anak pada tahun 2023 akan diberikan bantuan tunai one-off sebanyak RM500.

28. Kerajaan juga komited untuk meringankan beban ibu bapa yang mempunyai anak yang masih bersekolah menerusi pemberian Bantuan Awal Persekolahan sebanyak RM150 kepada semua murid tanpa mengira had pendapatan ibu bapa.

29. Tahun ini belia diberikan kredit e-dompet sebanyak RM150 tetapi saya memaklumkan kepada Menteri Kewangan sendiri untuk menaikkan kredit inisiatif e-Pemula kepada RM200 bermula tahun hadapan.

30. Ketua Isi Keluarga (KIR) yang berpendapatan bawah RM2,500 yang memiliki lima orang anak atau lebih, akan menerima bantuan sebanyak RM2,500. Ini juga merupakan bantuan tunai terbesar dalam sejarah negara.

31. Namun begitu, segala bantuan dan inisiatif ini hanya dapat direalisasikan sekiranya warga Labuan memilih semula Kerajaan yang saya terajui pada 19 November nanti, supaya bajet ini dapat dibentang sekali lagi di Dewan Rakyat untuk diluluskan.

32. Inilah beza bajet 2023 dengan manifesto pembangkang yang hanya janji-janji manis dengan menawarkan bulan dan bintang tetapi tidak mampu dilaksanakan, yang menjaid bukti 22 bulan mereka mentadbir negara sebelum ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

33. Akhir kata, saya berharap WP Labuan akan terus berkembang maju, yang tidak hanya bergantung industri berkaitan minyak dan gas, malah menjadi tumpuan kepada sektor ekonomi serta sektor pelancongan utama negara.

34. Pihak kerajaan akan terus komited merealisasikan perancangan pembangunan jangka pendek dan jangka panjang menjadi satu realiti

dalam mengembalikan semula kegemilangan WP Labuan demi kesejahteraan warganya.

35. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan **Majlis Amanat Jelajah Keluarga Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-majlis-amanat-jelajah-keluarga-malaysia-wilayah-persekutuan-labuan/>